

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 01/08/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional (11)
Tajuk : Ekskom Catat Nilai Dagangan Melebihi RM100 Juta

EksKOM catat nilai dagangan melebihi RM100 juta

Ekspo Koperasi Malaysia
28 - 31 Julai 2022



100
KOPERASI

SERDANG - Ekspo Koperasi Malaysia (EksKOM) berjaya mencatat unjuran nilai dagangan melebihi RM100 juta sepanjang empat hari ia berlangsung di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines (MIECC) di Seri Kembangan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, potensi perdagangan dan pelaburan itu diraih menerusi empat memorandum perjanjian dan persefahaman serta 170 sesi pepadanan pemiagaan dan transaksi perniagaan (B2B) melibatkan koperasi serta syarikat perniagaan termasuk dua koperasi antarabangsa.

Menurutnya, ekspo yang diadakan sejak 28 Julai lalu bersempena dengan Hari Koperasi Negara 2022 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) dengan kerjasama Angkasa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) itu berjaya menarik kehadiran lebih 35,000 pengunjung.

"Kehadiran pengunjung melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 30,000 orang, sudah pasti akan membantu menyebarkan produk dan perkhidmatan koperasi kepada rakyat



Abdul Fattah (dua dari kiri) menyerahkan sijil penghargaan kepada koperasi dari Filipina, Federation of People's Sustainable Development Cooperative (FPSDC). Turut hadir ialah Timbalan Presiden Angkasa, Profesor Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik (kiri).

Malaysia," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Abdul Fattah berkata, Angkasa menerima banyak reaksi positif dalam kalangan pempamer yang terdiri daripada koperasi, agensi kerajaan dan rakan strategik.

Katanya, EksKOM yang dianjurkan telah menyediakan ruang untuk mempromosi produk serta menjalinkan kerjasama strategik bagi memperkukuhkan lagi pemasaran dan pemiagaan mereka.

"Usaha merakyatkan koperasi serta

menjadikan koperasi sebagai pilihan utama pemiagaan dan gaya hidup menjadi agenda utama Angkasa seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Angkasa 2050 (PESAN50) dan EksKOM," ujar beliau.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi SKM, Rusli Jaafar dalam ucapan perasmian penutup Hari Koperasi Negara 2022 merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sambutan diberikan oleh pengunjung yang hadir dari seluruh negara.

Beliau turut berbangga dengan penglibatan koperasi pelbagai sektor dari dalam dan luar negara yang dilihat boleh meningkatkan daya saing pertubuhan itu agar kekal teguh menjadi jentera penggerak pembangunan sosioekonomi berkesan untuk rakyat Malaysia.

Majlis perasmian penutupan turut dimeriahkan dengan sesi cabutan bertuah yang menyaksikan pelbagai hadiah menarik seperti motosikal, peti sejuk, basikal, telefon bimbit, televisyen dan pakej penginapan.